PP

lwn.

RAZALI JOHARI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD GHAZALI YUSOFF H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-14-2001]
3 APRIL 2002

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a) - Mengedar 738.31 gram cannabis - Pembuktian - Dadah dijumpai dalam bilik rumah - Kunci bilik berada pada tertuduh - Sama ada mempunyai jagaan dan kawalan - Unsur milikan - Sama ada hanya berbangkit melalui anggapan - Anggapan pengedaran - Sama ada tidak berbangkit - Sama ada 'actual possession' tidak dibuktikan - Sama ada keterangan menunjuk kepada kesalahan pemilikan - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 6, 37(b), (d), (da), 37A(1)(b), 39A(2), 39B(1)(a)*

Pada 24 Oktober 2000 jam 5.15 pagi sepasukan anggota polis telah menyerbu sebuah rumah di Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Setelah memasuki rumah tersebut, pihak polis mendapati ia dihuni oleh tertuduh dan empat yang lain. SP7 telah menggerakkan tertuduh yang sedang tidur di ruang dapur, dan selepas itu membawanya ke ruang tamu di mana tertuduh dikawal oleh SP8. SP7 kemudian memeriksa badan tertuduh dan menjumpai serangkai anak kunci dari poket seluarnya. Dengan menggunakan salah satu anak kunci tersebut SP7 telah membuka sebuah bilik rumah tersebut. Setelah memasuki bilik tersebut SP7 bertanya tertuduh sama ada ia ada menyimpan barang salah di situ dan tertuduh menjawab bahawa ia ada menyimpan ganja di bilik itu. Berikutnya tertuduh menunjukkan kepada SP7 satu kotak kasut di dalam bilik itu di mana SP7 menjumpai 190 paket plastik mengandungi daun-daun kering yang disyaki cannabis. Tertuduh kemudian menunjukkan satu beg kulit yang dikunci dengan kunci kombinasi. SP7 membuka beg kulit tersebut dengan menggunakan nombor kombinasi yang diberikan tertuduh dan mendapati ia mengandungi 290 paket plastik daun-daun kering yang disyaki cannabis. Seterusnya, SP7 menjumpai sehelai seluar dalam bilik tersebut dan dari poketnya ia menjumpai kad pengenalan tertuduh dan sejumlah wang tunai. SP7 selepas itu menggari tertuduh dan membawanya ke Balai Polis Sentul.

Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa daun-daun kering yang dijumpai di dalam bilik seperti di atas adalah cannabis seperti yang ditakrif di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dengan berat bersih 738.31 gram. Berikutnya, tertuduh telah didakwa dengan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta kerana mengedar 738.31 gram cannabis.

Di hadapan yang arif hakim, di akhir kes pendakwaan, tertuduh berhujah bahawa pendakwaan tidak membuktikan bahawa ia bertanggungjawab terhadap pengurusan rumah tersebut, dan dengan itu, gagal membuktikan jagaan dan kawalannya ke atas dadah berbahaya tersebut. Tertuduh juga berhujah bahawa kenyataan yang diberikan olehnya kepada SP7 bahawa ia menyimpan ganja di dalam bilik rumah tersebut tidak boleh diterima sebagai keterangan kerana amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta telah tidak ditadbirkan kepadanya. Persoalan penting yang berbangkit ialah: (i) bilakah tertuduh ditangkap pada pagi kejadian; (ii) sama ada kes *prima facie* pengedaran telah dibuktikan terhadap tertuduh, mengambilkira fakta kes serta peruntukan-peruntukan anggapan di dalam s. 37 Akta.

Diputuskan:

[1] Tindakan menggari seseorang tidak semestinya menunjukkan bahawa itulah masanya seseorang itu ditangkap. Di sini, sebaik sahaja tertuduh digerakkan dari tidur dan dibawa ke ruang tamu serta dikawal oleh SP8, ia berada dalam keadaan telah ditangkap walaupun ia tidak digari. Ini kerana kebebasan tertuduh telah pun disekat dan dihalang. (ms 868 b-d)

[1a] Kesannya ialah, apa yang dikatakan oleh tertuduh kepada SP7 bahawa terdapat dadah berbahaya dalam bilik tersebut tidak dapat diterima masuk sebagai keterangan memandangkan SP7 tidak mentadbirkan amaran seperti yang diperuntukkan di bawah s. 37A(1)(b) Akta sebelum menyoal tertuduh. (ms 868 e)

[2] Fakta bahawa hanya tertuduh sahaja yang menyimpan kunci kepada mangga bilik berkenaan menunjukkan bahawa bilik tersebut berada di bawah jagaan dan kelolaannya. Bahawa kad pengenalannya dijumpai dalam saku seluar yang tergantung di dinding bilik menyokong dapatan ini. Dengan itu, anggapan kawalan dan pengelolaan di bawah s. 37(b) Akta telah berbangkit terhadap tertuduh. (ms 869 c)

[3] Juga jelas bahawa kotak kasut dan beg kulit yang mengandungi dadah berbahaya tersebut, iaitu cannabis seberat 738.31 gram, berada di bawah jagaan dan kawalan tertuduh semasa ia ditahan oleh pihak polis di rumah tersebut. Dengan itu, anggapan milikan dan pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta telah timbul terhadap tertuduh. (ms 870 c-d)

[4] Hujah pendakwaan bahawa unsur milikan dadah berbahaya telah dibuktikan tanpa bersandar kepada mana-mana anggapan di bawah Akta tidak dapat diterima. Berdasarkan fakta, anggapan di bawah s. 37(d) Akta perlu dipakai atau ditimbulkan. Oleh itu, bagi membolehkan milikan tersebut menimbulkan anggapan "pengedaran" di bawah s. 37(da) Akta, ia mestilah dibuktikan dengan jelas melalui keterangan dan bukan berasaskan anggapan milikan. (ms 870 g)

[5] Memang benar bahawa definisi "pengedaran" di bawah s. 2 Akta meliputi perbuatan "menyimpan". Namun, keterangan di akhir kes pendakwaan tidak mencukupi untuk membuat dapatan milikan yang afirmatif sebagaimana perkataan "milikan" difahami dalam undang-undang jenayah. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh ada milikan sebenar atau 'actual possession' dadah berbahaya tersebut. Oleh itu anggapan "pengedaran" di bawah s. 37(da)(vi) Akta sama sekali tidak berbangkit terhadap tertuduh. (ms 871 a-c, g & 872 a)

[6] Pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* pengedaran di bawah s. 39B(1)(a) Akta. Sebaliknya, keterangan menunjuk kepada suatu kes *prima facie* bagi kesalahan pemilikan dadah berbahaya di bawah s. 6 Akta. Pertuduhan sedia ada, dengan itu, dipinda kepada pertuduhan di bawah s. 6 Akta yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta. (ms 872 b-c & 873 a)

[7] Mengambilkira prinsip undang-undang yang terpakai, serta pengakuan salah tertuduh terhadap tuduhan terpinda, hukuman pemenjaraan 12 tahun dan sepuluh sebatan adalah wajar dan patut dijatuhkan terhadapnya. (ms 876 b & e-f)

[Tertuduh bersalah kerana memiliki dadah berbahaya dan dihukum sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Mohd Said Samad v. PP [1998] 2 CLJ 161 FC ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37A(1)(b), (d), (da), (vi), 39B(1)(a), (2), 39A(2)

Bagi pihak pendakwa raya - Sharlyza Alis Sharkawi TPR
Bagi pihak tertuduh - Mohd Idris Habib (Noor Azman Abdul Aziz & Shahrul Amali Shafie); T/n Mohd Idris & Assoc

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali Yusoff H:

Tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu, 738.31 gram cannabis yang mana adalah satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta itu"). Pertuduhan terhadapnya adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 24 Oktober 2000 jam lebih kurang 5.15 pagi, di rumah No. 9B, Lorong Kiri 9, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu 738.31 gram cannabis, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Tertuduh tidak mengaku salah dan minta dibicarakan. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadapnya adalah seperti berikut:

Pada 24 Oktober 2000 jam lebih kurang 5.15 pagi, bertindak atas maklumat, satu pasukan polis daripada Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Kontinjen, Selangor yang diketuai oleh Cif Inspektor Chia Aik Chin (SP7) telah pergi ke alamat No. 9B, Lorong Kiri 9, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur ("rumah itu") untuk membuat serbuan. Sebaik sahaja mereka tiba di tempat kejadian, SP7 telah membuka pintu kayu rumah itu yang didapati berada dalam keadaan tertutup tetapi tidak berkunci dan memasuki rumah itu bersama lima anggota pasukannya. Di ruang tamu rumah itu ia terjumpa empat lelaki Melayu sedang berbaring. Berikutnya ia bersama seorang anggota pasukanny, Detektif Korporal Mohd Sidek (SP8) telah pergi ke bahagian tengah rumah itu dan mendapati sebuah bilik yang terkunci dengan mangga. Mereka kemudiannya pergi ke bahagian dapur rumah itu dan terjumpa tertuduh, yang memakai seluar pendek dan baju, sedang tidur di situ. SP7 telah menggerakkan tertuduh dan berikutnya membawanya ke bahagian ruang tamu rumah itu di mana ia dikawal oleh SP8.

Berikutnya SP7 telah mengarahkan salah seorang anggota pasukannya, iaitu, Korporal Zaidi membuat pemeriksaan ke atas keempat-empat lelaki yang dijumpai di ruang tamu itu. Korporal Zaidi telah terjumpa lapan paket plastik lutsinar yang berisi dengan daun-daun kering yang disyakinya adalah cannabis dari seorang bernama Mohd Faizal bin Ishak dan enam paket plastik lutsinar yang juga berisi dengan daun-daun kering yang disyakinya adalah cannabis dari seorang bernama Mohd Hisham bin Ismail.

Sementara itu SP7 telah melakukan pemeriksaan badan ke atas tertuduh yang sedang dikawal oleh SP8 dan terjumpa serangkai tiga anak kunci dari poket seluar tertuduh. Seterusnya SP7 telah bertanya tertuduh apakah kunci tersebut dan tertuduh memberitahunya itu kunci biliknya. Dengan menggunakan satu anak kunci yang berjenama "Tri-circle" yang terdapat di serangkai anak kunci

itu SP7 berjaya membuka mangga yang terdapat di pintu bilik itu dan memasuki bilik itu bersama tertuduh, SP8 dan seorang anggota lain. SP7 kemudian bertanya tertuduh sama ada beliau ada menyimpan barang-barang salah dalam bilik itu. Tertuduh telah menjawab ia ada menyimpan ganja dalam bilik itu. Berikutnya tertuduh telah menunjuk SP7 satu kotak kasut yang berada di atas sebuah meja dalam bilik itu. Setelah membuat pemeriksaan ke atas kotak kasut itu, SP7 terjumpa 190 paket-paket plastik lutsinar yang kesemuanya berisi dengan daun-daun kering yang disyakinya adalah cannabis. Seterusnya tertuduh telah menunjuk SP7 satu beg kulit jenama "Liberty" yang berada di dalam sebuah rak yang terletak dalam bilik itu. Memandangkan beg kulit itu dikunci dengan kunci kombinasi, SP7 telah bertanya tertuduh nombor kombinasinya dan setelah diberitahu nombornya adalah "139" ia berjaya membuka beg itu. Setelah membuat pemeriksaan ke atas beg kulit itu, SP7 terjumpa 290 paket-paket plastik lutsinar yang berisi dengan daun-daun kering yang disyakinya adalah cannabis. Ia juga terjumpa dalam beg kulit itu dua ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki adalah cannabis yang mana satu dibalut dengan plastik lutsinar dan satu lagi dengan kertas timah. Berikutnya SP7 telah menjalankan pemeriksaan dan selanjutnya terjumpa satu seluar yang tergantung di bilik itu dan terjumpa kad pengenalan tertuduh dalam saku seluar itu serta wang tunai sejumlah RM2,068. SP8 telah kemudiannya menggari tertuduh. Selepas SP7 selesai membuat pemeriksaan selanjutnya di rumah itu, ia telah membawa tertuduh dan keempat-empat lelaki Melayu itu bersama-sama barangan yang ia telah rampas itu ke Bahagian Narkotik, Balai Polis, Sentul untuk tindakan selanjutnya.

Tertuduh telah berikutnya dituduh melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya setelah pihak polis menerima pengesahan daripada Jabatan Kimia, Petaling Jaya bahawa daun-daun kering yang dijumpai di dalam bilik itu adalah cannabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta itu. Semasa perbicaraan, SP5, seorang ahli kimia daripada Jabatan Kimia, Petaling Jaya memberi keterangan tentang ujian-ujian yang ia telah menjalankan dan tentang dapatannya bahawa daun-daun kering yang terdapat dalam kesemua paket-paket plastik itu dan juga dua ketulan mampat itu adalah cannabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta itu, iaitu, sejenis dadah berbahaya yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama kepada Akta yang sama dan bahawa berat bersihnya adalah 738.31 gram.

Di penutup kes pendakwaan, peguam tertuduh, antara lain, bertikai setelah serangkai tiga anak kunci itu dijumpai dari poket seluar tertuduh, apa-apa pernyataan yang dibuat oleh tertuduh bagi menjawab soalan-soalan SP7 merupakan keterangan yang tidak boleh diterima kerana amaran seperti diperuntukkan di bawah s. 37A(1)(b) Akta itu tidak ditadbirkan kepada tertuduh oleh SP7. Seksyen 37A Akta itu berbunyi:

(1) Where any person is charged with any offence against this Act any statement, whether such statement amounts to a confession or not or is oral or in writing, made at any time, whether before or after such person is charged and whether in the course of a police investigation or not and whether or not wholly or partly in answer to questions, by that person to or in the hearing of any police officer of or above the rank of Inspector or any senior officer of customs and whether or not interpreted to him by any other police officer or senior officer of customs or any other person concerned or not in the arrest, shall notwithstanding anything to the contrary contained in any written law, be admissible at his trial in evidence and, if such person tenders himself as a witness, any such statement may be used in cross-examination and for the purpose of impeaching his credit:

Provided that no such statement shall be admissible or used as aforesaid:

(a) if the making of the statement appears to the Court to have been caused by any inducement, threat or promise having reference to the charge against such person, proceeding from a person in authority and sufficient in the opinion of the court to give such person grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him; or

(b) in the case of a statement made by such person after his arrest, unless the Court is satisfied that a caution was administered to him in the following words or words to the like effect:

It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence:

Provided that a statement made by the person before there is time to caution him shall not be rendered inadmissible in evidence merely by reason of no such caution having been administered if it has been given as soon as possible.

(2) Notwithstanding anything to the contrary contained in any written law a person accused of an offence to which subsection (1) applies shall not be bound to answer any question relating to the case after any such caution as aforesaid has been administered to him.

(3) ...

Mengenai pertikaian ini, saya berpendapat apa yang jelas dari peruntukan itu adalah apa-apa pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta itu boleh diterima masuk dalam keterangan di perbicaraannya. Walaubagaimanapun, pernyataan itu tidak boleh diterima atau dipakai seperti diperuntukkan jika pembuatan pernyataan itu dilakukan akibat

dorongan, ancaman atau janji. Pernyataan itu juga tidak boleh diterima sebagai keterangan di perbicaraan orang itu jika pernyataan itu dibuat setelah ia ditangkap melainkan mahkamah berpuas hati satu amaran seperti diperuntukkan di bawah s. 37A(1)(b) itu telah ditadbirkan kepadanya. Pernyataan itu juga boleh diterima masuk jika ianya dibuat sebelum amaran itu sempat dapat ditadbirkan jika amaran itu ditadbirkan kemudiannnya dengan secepat mungkin.

Keterangan menunjuk pernyataan yang dibuat oleh tertuduh sebaik sahaja SP7 menjalankan pemeriksaan badan ke atasnya adalah seperti berikut:

(i) sebaik sahaja SP7 terjumpa serangkai tiga anak kunci itu dari saku seluar tertuduh, yang pada masa itu belum digari, ia bertanya tertuduh apakah kunci tersebut dan beliau telah memberitahu itu kunci biliknya;

(ii) setelah menggunakan salah satu dari anak kunci itu untuk membuka mangga yang terdapat di luar pintu bilik itu, SP7 dan dua anggota pasukannya telah masuk bilik itu bersama tertuduh; SP7 telah berikutnya bertanya tertuduh sama ada ia menyimpan barang-barang salah dalam bilik itu dan tertuduh telah menjawab ia menyimpan ganja dalam bilik itu; berikutnya tertuduh telah menunjuk SP7 satu kotak kasut yang berada di atas sebuah meja dalam bilik itu dari mana 190 paket plastik lutsinar yang berisi dengan dadah berbahaya tersebut telah dijumpai oleh SP7;

(iii) seterusnya tertuduh telah menunjuk SP7 satu beg kulit jenama "Liberty" yang berada di dalam rak yang terletak dalam bilik itu; memandangkan beg kulit itu berkunci, SP7 telah bertanya tertuduh nombor kombinasinya dan setelah diberitahu nombornya adalah "139", ia berjaya membuka beg itu dari mana 290 paket plastik lutsinar yang berisi dengan dadah berbahaya tersebut serta dua ketulan mampat dadah berbahaya tersebut telah dijumpai oleh SP7.

Dalam keterangannya SP7 tidak menyata sama ada ia ada memberi amaran kepada tertuduh bahawa apa yang beliau katakan boleh digunakan, sebelum ia menyoal tertuduh. Dalam keterangannya semasa ia diperiksa balas, SP8 menyata ia tidak dengar SP7 memberi amaran seperti diperuntukkan kepada tertuduh. SP8 juga menyata kotak kasut dan beg kulit tersebut dari mana dadah berbahaya tersebut dijumpai tidak berada dalam keadaan tersorok. Setelah dadah berbahaya itu dijumpai SP3 berkata ia telah menggari tertuduh.

Soalan yang timbul akibat pertikaian ini adalah bilakah tertuduh ditangkap pada pagi kejadian itu? Keterangan menunjuk SP7 dan SP8 telah terjumpa tertuduh sedang tidur di ruang dapur rumah itu dan berikutnya telah membawanya ke ruang tamu rumah itu. SP8 menyata ia ditugaskan mengawal tertuduh dan ia telah berbuat demikian semasa mereka berada di ruang tamu dan seterusnya.

Semasa SP8 berada dalam bilik itu di mana dadah berbahaya tersebut itu dijumpai, ia masih mengawal tertuduh dan setelah dadah berbahaya itu dijumpai, ia telah menggarinya. Dalam keterangan mereka, SP7 dan SP8 tidak menjelaskan di peringkat manakah tangkapan dilakukan ke atas tertuduh.

Tindakan menggari seseorang, pada saya, dari segi undang-undang, tidak semestinya bererti itulah masanya seseorang boleh dikatakan telah ditangkap. Perkataan "tangkap" atau "arrest" menurut *Osborn's Concise Law Dictionary* (Edisi Ke-7) ertinya "To arrest a person is to deprive him of his liberty by some lawful authority, for the purpose of compelling his appearance to answer a criminal change, or as a method of execution". Ertinya perkataan "arrest" menurut *Concise Oxford Dictionary* (Edisi ke-9) termasuk "seize (a person) and take into custody esp. by legal authority"; "the act of arresting or being arrested, esp. the legal seizure of a person". Setelah saya meneliti dengan terperinci pertikaian yang ditimbulkan oleh peguam tertuduh dan keterangan yang telah dikemukakan, adalah menjadi dapatan saya bahawa sebaik sahaja tertuduh digerakkan dari tidur di ruang dapur rumah itu dan dibawa ke ruang tamu dan berikutnya dikawal oleh SP8, ia berada dalam keadaan telah ditangkap walaupun ia tidak digari pada masa itu. Pada saya, sebaik sahaja SP8 mengawal tertuduh, kebebasannya telah disekat atau telah dihalang. Oleh itu, apa yang dikatakan oleh tertuduh seperti dibincang di atas, pada saya, tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan memandangkan SP7 tidak mentadbirkan amaran seperti diperuntukkan di bawah s. 37A(1)(b) Akta itu sebelum ia menyoal tertuduh walaupun tertuduh berada dalam keadaan telah ditangkap pada masa itu. Di samping itu, keterangan juga menunjukkan SP7 tidak pada bila-bila masa mentadbirkan amaran itu kepada tertuduh sebaik sahaja dadah berbahaya tersebut dijumpai dalam bilik itu.

Dalam hujahnya peguam tertuduh juga bertikai pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa rumah itu adalah di dalam tanggungjawab atau pengurusan mana-mana individu dan lebih-lebih lagi pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan bahawa tertuduh adalah orang yang bertanggungjawab mengurus rumah itu. Keterangan menunjuk tuanpunya rumah itu adalah satu Othman bin Hussain yang telah meninggal dunia dalam tahun 1964 ("simati"). Pegawai penyiasat (SP9) menyata dari siasatannya, ia dimaklumkan rumah itu disewakan kepada seorang bernama Fairuz dan penyewaan rumah itu diuruskan oleh anak simati yang bernama Mahamad Halip (SP10). SP9 menyata dan siasatannya, ia diberitahu tuanpunya rumah No. 9A adalah juga simati dan bahawa bapa dan ibu kandung tertuduh adalah penghuni rumah No. 9A itu dan bahawa penghuni rumah No. 9 pula adalah seorang perempuan Melayu yang juga merupakan anak simati. Dalam keterangannya, SP10 menuntut ia yang menguruskan rumah itu bersama adik beradiknya semenjak bapanya (simati) meninggal dunia. Ia juga mengakui tertuduh adalah anak adiknya. SP10

kemudiannya menuntut pada bulan Oktober 2000 ia telah menyewa rumah itu kepada seorang yang dipanggil "Buyut" tanpa perjanjian bertulis. Walau bagaimanapun ia tidak tahu nama sebenar penyewa itu ataupun pekerjaannya. Keterangan juga menunjukkan, selain daripada tertuduh, terdapat empat lelaki Melayu yang berada di dalam rumah itu semasa pihak polis membuat serbuan. Mereka didapati sedang berbaring di ruang tamu rumah itu. Pihak polis telah menahan mereka dan membuat pemeriksaan badan. Pihak polis tidak mengesan apa-apa kunci atau pun salinan kunci kepada mangga bilik itu dari mereka. Pada pendapat saya, fakta bahawa hanya tertuduh sahaja yang didapati menyimpan kunci kepada mangga bilik itu menggambarkan bilik itu berada di bawah jagaan dan pengelolaannya, sehingga dibuktikan sebaliknya. Bahawa kad pengenalannya dijumpai dalam saku suatu seluar yang didapati tergantung di dinding bilik itu menyokong dapatan bahawa bilik itu berada di bawah jagaan dan pengelolaannya. Oleh itu, saya berpendapat anggapan di bawah s. 37(b) Akta itu telah timbul terhadapnya. Seksyen 37(b) Akta itu berbunyi:

> In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder:
>
> (b) a person, until the contrary is proved, shall be deemed to be the occupier of any premises, if he has, or appears to have, the care or management of such premises;

SP10 telah menuntut bahawa ia telah menyewakan rumah No. 9B itu kepada seorang yang dipanggil "Buyut". Ia menyata seperti berikut:

> Pada bulan Oktober 2000, setahu saya, ada orang bujang sewa rumah No. 9B Lorong Kiri 9 itu. Dia orang panggil "Buyut". Nama sebenar saya tidak tahu. Sewa bulanan adalah RM280. Tidak ada perjanjian.
>
> Ada sekali Buyut bayar sewa dan ada kala ia beri kepada adik saya Zauyah bt Osman.
>
> Saya tidak tahu apa pekerjaan Buyut. Saya tidak tahu nama sebenarnya. Saya tidak ada nombor telefonnya. Saya kenal OKT. Ia adik saya punya anak.
>
> Sebagai tuan rumah saya dalam sebulan ada tiga atau empat kali saya pergi tengok rumah itu. Saya tidak tahu apa yang sedang dijalankan dalam rumah itu. Saya tidak tahu sama ada OKT ada kerap kali pergi ke rumah No. 9B itu.

Walau bagaimanapun, semasa ia diperiksa balas, ia menyata seperti berikut:

> Saya kenal "Buyut". Dia duduk sebelah rumah saya. Pada masa itu rumah saya No. 9. Saya pergi ke rumah No. 9B tiga atau empat kali sebulan. Setahu saya, saya datang 10 pagi rumah terbuka dan jam 8 atau 9 malam pun rumah terbuka. Masa saya pergi ada ramai orang bujang di situ.

Di peringkat pemeriksaan semula ia menyata:

> Pada Oktober 2000 saya tinggal di AU3-16 No. 35 Taman Keramat. Masa saya melawat rumah No. 9B saya tidak tahu sama ada OKT ada di situ.

Keterangan yang diberi oleh SP10 hanya menunjukkan rumah itu disewakan kepada "Buyut". Sama ada "Buyut" mendiami rumah itu atau bahawa rumah itu berada di bawah jagaan dan pengelolaannya tidak jelas. Kesimpulannya saya mendapat keterangan SP10 hanya menggambarkan penyewa rumah itu adalah seorang yang dipanggil "Buyut" tetapi tidak menunjukkan rumah itu di bawah jagaan dan pengelolaannya.

Di penutup kes pendakwaan, setelah saya meneliti dengan terperinci keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya membuat dapatan seperti berikut:

(i) bilik itu di mana dadah berbahaya tersebut dijumpai berada di bawah jagaan dan pengelolaan tertuduh semasa ia ditahan oleh pihak polis dalam rumah itu pada jam lebih kurang 5.15 pagi pada 24 Oktober 2000;

(ii) kotak kasut dan beg kulit yang mengandungi dadah berbahaya tersebut, iaitu, cannabis sejumlah berat 738.31 gram berada di bawah jagaan dan kawalan tertuduh semasa ia ditahan oleh pihak polis dalam rumah itu pada jam dan waktu yang sama.

Mengenai dadah berbahaya itu, saya berpuas hati dengan keterangan SP5 berdasarkan ia merupakan seorang saksi yang berkelayakan dan kompeten dan bahawa ia telah menjalankan ujian-ujian yang perlu ke atas dadah berbahaya tersebut. Oleh itu saya telah menerima keterangannya bahawa daun-daun kering yang terdapat dalam kesemua paket-paket plastik itu dan juga dua ketulan mampat itu adalah cannabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta itu, iaitu, sejenis dadah berbahaya yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama kepada Akta itu.

Dalam keadaan yang terdapat seperti dibincang di atas, saya berpendapat anggapan milikan dan pengetahuan seperti diperuntukkan di bawah s. 37(d) Akta itu telah timbul terhadap tertuduh. Seksyen 37(d) Akta itu berbunyi:

> In an proceedings under this Act or any regulation made thereunder:
>
> (d) any person who is found to have had in custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug;

Dalam hujahnya, timbalan pendakwa raya mendesakkan unsur milikan dadah berbahaya tersebut oleh tertuduh telah dibuktikan tanpa menyandarkan kepada mana-mana anggapan di bawah Akta itu. Saya tidak dapat terima desakan ini. Pada saya, anggapan seperti diperuntukkan di bawah s. 37(d) Akta itu perlu dipakai atau ditimbulkan kerana keterangan di peringkat penutup kes pendakwaan hanya menunjukkan kotak kasut dan beg kulit yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada di bawah jagaan atau kawalan tertuduh berdasarkan bilik itu berada di bawah jagaan dan pengelolaannya. Oleh itu, sehingga dibuktikan sebaliknya, tertuduh hendaklah dianggap memilik dadah berbahaya tersebut dan hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap ada pengetahuan tentang sifat dadah berbahaya tersebut. Supaya milikan itu boleh menimbulkan anggapan "pengedaran" di bawah s. 37(da) Akta itu pula, milikan itu mesti dibuktikan dengan jelas melalui keterangan dan bukan hanya berasaskan anggapan "milikan".

Berikutnya, berasaskan pendiriannya bahawa unsur milikan dadah berbahaya tersebut oleh tertuduh telah dibuktikan tanpa menyandarkan kepada mana-mana anggapan di bawah s. 37 Akta itu, timbalan pendakwa raya mendesakkan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) di bawah Akta itu telah timbul terhadap tertuduh dan oleh itu ia telah memohon tertuduh dipanggil untuk membela diri. Seksyen itu berbunyi:

> 37. In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder:
>
> (da) any person who is found in possession of:
>
> (vi) 200 grams or more in weight of cannabis:
>
> otherwise than in accordance with the authority of this Act or any other written law, shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug;.

Saya sedar bahawa definasi 'pengedaran' ("trafficking') yang terdapat dalam s. 2 Akta itu dengan jelas memperuntukkan perkataan 'pengedaran' termasuk 'menyimpankan' ("keeping" atau "storing"). Seksyen 2 Akta itu berbunyi:

> 2. In this Act, unless the context otherwise requires:
>
> "trafficking" includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, **keeping**, concealing, buying, selling, giving, receiving, **storing**, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug;.

Walau bagaimanapun, saya mendapat keterangan yang telah dikemukakan di akhir kes pendakwaan pada keseluruhannya tidak mencukupi bagi saya membuat dapatan milikan yang afirmatif sebagaimana perkataan "milikan" difahami dalam undang-undang jenayah dan oleh itu saya mendapat anggapan "pengedaran" di bawah s. 37(da)(vi) Akta itu tidak timbul terhadap tertuduh walaupun keterangan menunjuk dadah berbahaya itu melebihi kuantiti minima yang ditetapkan dalam peruntukan itu. Kesimpulannnya, adalah menjadi dapatan saya bahawa pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya tersebut di bawah s. 39B(1)(a) Akta itu seperti didakwa. Sebaliknya, saya mendapati keterangan yang dikemukakan dengan jelas menunjuk pihak pendakwaan telah mengemukakan satu kes *prima facie* bagi kesalahan pemilikan dadah berbahaya tersebut di bawah s. 6 Akta itu dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta itu. Oleh itu, pada menjalankan kuasa mahkamah yang diperuntukkan di bawah undang-undang, saya telah meminda pertuduhan terhadap tertuduh kepada kesalahan pemilikan dadah berbahaya tersebut di bawah s. 6 Akta itu dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta itu seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 24 Oktober 2000 jam lebih kurang 5.15 pagi di rumah No. 9B, Lorong Kiri 9, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, sebagai seorang yang tidak diberi kuasa di bawah seksyen 4 dan 5 atau lain-lain peraturan yang dibuat di bawah seksyen 7 Akta Dadah Berbahaya 1952, telah didapati dalam pemilikan kamu dadah berbahaya, iaitu, cannabis sejumlah berat 738.31 gram dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

Pada 27 Februari 2002, setelah tuduhan pindaan seperti di atas dibaca dan diterangkan kepada tertuduh, tertuduh mengata ia faham tuduhan seperti dipinda itu dan tidak mengaku salah. Kes telah ditangguhkan kepada 28 Februari 2002 untuk sambung bicara. Walau bagaimanapun, pada 28 Februari 2002, atas permintaan pihak tertuduh, tuduhan pindaan itu telah sekali lagi dibaca dan diterangkan kepada tertuduh. Tertuduh mengata ia faham tuduhan pindaan itu dan mengaku salah. Ia juga mengata ia faham akibat sifat pengakuan salah terhadap tuduhan seperti dipinda itu dan seterusnya akui fakta kes adalah seperti telah dikemukakan semasa perbicaraan kes pendakwaan.

Seterusnya tertuduh didapati bersalah dan disabitkan. Setelah mendengar hujah pihak pendakwaan dan peguambela tertuduh, saya telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 12 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh ia ditangkap, iaitu, 24 Oktober 2000 dan sepuluh sebatan. Terhadap keputusan itu, pihak pendakwaan telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

Seksyen 37(d) Akta itu memperuntukkan anggapan milikan sahaja. Untuk tuduhan pengedaran, pihak pendakwaan perlu membukti milikan sebenarnya ("actual possession"). Pada pendapat saya, tiada keterangan yang menunjukkan tertuduh dalam kes ini ada milikan sebenarnya dadah berbahaya tersebut dan oleh itu anggapan pengedaran seperti diperuntukkan di bawah s. 37(da)(vi) Akta itu tidak boleh ditimbulkan terhadapnya. Milikan sebenarnya adalah berbeza daripada milikan dianggapkan ("deemed possession"). Untuk menimbulkan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da)(vi), perlu wujudnya keterangan yang konkrit. Anggapan di bawah s. 37(da)(vi) tidak boleh digunakan secara automatik. Mahkamah perlu membuat dapatan milikan yang afirmatif untuk menimbulkan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da)(vi). Dalam kes *Muhammed b. Hassan v. Pendakwa Raya* [1998] 2 CLJ 170, mengenai pemakaian s. 37(d) dan (da) Akta itu, Chong Siew Fai, Hakim Besar Sabah & Sarawak) berkata (di ms 190):

> In our view, there is a clear undeniable distinction between the word 'deemed' used in s. 37(d) and the word "found" employed in s. 37(da) of the Act. The 'deemed' state of affairs in s. 37(d) (ie, deemed possession and deemed knowledge) is by operation of law and there is no necessity to prove how that particular state of affairs is arrived at. There need only to be established the basic or primary facts necessary to give rise to that state of affairs i.e. the finding of custody or control. Such presumptions as under s. 37(d) (and, for that matter, the one under s. 37(da)) are sometimes described as "compelling presumptions" in that upon proof of certain facts by a party (in our present case, proof of custody or control in s. 37(d) by the prosecution), the court must in law draw a presumption in its favour (ie, presumptions of possession and knowledge) unless the other party proves the contrary. Such a presumption has the compelling force of law. It is a deduction which the law requires the trial court to make. On the other hand, the word "found" in the opening phrase of s. 37(da) connotes a finding after a trial by the court.
>
> Furthermore, the basic or primary facts needed to raise "deemed" possession and 'deemed" knowledge under s. 37(d) of the Act and those required to raise "presumed ... trafficking" under s. 37(da) are different. To come to the presumptions of possession and knowledge under s. 37(d), one need only to arrive at a finding of having had in custody or under ... control anything whatsoever containing" the drug (as opposed to the drug itself) whereas to arrive at the presumption of "trafficking" under s. 37(da), a finding of being "in possession" of the drug is necessary (in addition, of course, to proof of the relevant minimum quantity specified). In view of the above differences, it would be unduly harsh and oppressive to construe the automatic application of presumption upon presumption as contended by the learned Deputy Public Prosecutor – a construction that ought to be adopted only if, upon the wordings of the two subsections, such an intention of the Parliament is clear, which, in our opinion, is not.

In our view, to constitute "possession" under s. 37(da) of the Act, so as to be capable of forming one of the ingredients thereunder thereby giving rise to the presumption of trafficking, there must be an express affirmative finding (as opposed to legal presumption) of possession as understood in criminal law, based on evidence.

Di ms 194-195 nas yang sama, Hakim Besar (Sabah & Sarawak) yang bijaksana berkata:

Having considered the submissions of counsel and the learned Deputy Public Prosecutor, and the law applicable including the rules of construction of penal statutes, we were of the view that the word "found" in s. 37(d) must bear the same meaning as the word "found" in s. 37(da). Both require evidential materials in attaining proof thereof and are vastly different from the word "deemed" employed in the said s. 37(d).

In our view, on the wording of s. 37(da) as it stands, to read the presumption of possession (i.e. possession as understood in criminal law, with knowledge) provided in s. 37(d) into s. 37(da) so as to invoke against an accused person a further presumption of trafficking (i.e. presumption upon presumption) would not only be ascribing to the phrase "found in possession" in s. 37(da) a meaning wider than it ordinarily bears but would also be against the established principles of construction of penal statutes and unduly harsh and oppressive against the accused. We are not unaware that, as a general principle, a statute may place the burden of proof on an accused by necessary implication and without doing so expressly. This depends on the construction of the particular legislation. But a court should be extremely cautious and slow to infer from a statute that Parliament intended to impose on the defendant an onerous duty to prove his innocence in a criminal case. Furthermore, offences involving the trafficking of dangerous drugs are amongst the most serious in the criminal calendar. Any ambiguity in s. 37(da) should be resolved in favour of the accused by placing the burden of proving possession of the substances involved on the prosecution.

We would further add that in so construing as we do, we see no injustice to the prosecution. In a proper case where the evidence so warrants and the amount of the dangerous drug reaches or exceeds the quantity specified in s. 37(da), there is nothing to prevent a trial court from coming to a factual finding of possession as understood in criminal law thereby attracting the presumption of trafficking under the said s. 37(da) which, of course, is rebuttable.

Accordingly, we held that the learned trial judge had erred in law in using the presumption of possession under s. 37(d) of the Act to invoke the presumption of trafficking under the said s. 37(da) thereof.

Kesimpulannya, berdasarkan autoriti yang dibincang di atas, adalah tidak perkenankan dalam tuduhan pengedaran dadah berbahaya, mengikut penyusunan kata yang terdapat dalam s. 37(da) Akta itu, untuk memakai secara automatik anggapan pengedaran dengan hanya menimbulkan anggapan milikan dan pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta itu.

Untuk menimbulkan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) itu, saya perlu membuat satu dapatan afirmatif yang tepat mengenai milikan seperti yang difahami di bawah undang-undang jenayah berdasarkan keterangan yang ada dihadapan saya mengikut keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammed b. Hassan v. Pendakwa Raya, supra*. Saya telah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan mendapati tidak ada keterangan yang boleh menjustifikasikan saya membuat satu dapatan afirmatif yang tepat mengenai milikan bagi membolehkan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da)(vi) ditimbulkan. Keterangan yang dikemukakan hanya menunjukkan kotak kasut dan beg kulit yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada dalam jagaan dan kawalan tertuduh berasaskan bilik itu berada di bawah jagaan dan pengelolaannya. Berat dadah berbahaya tersebut dengan jelas melebihi had minimum yang dinyatakan dalam s. 37(da)(vi) Akta itu tetapi fakta itu secara sendirian, menurut Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd Said b. Samad v. Pendakwa Raya* [1998] 2 CLJ 161, tidak mencukupi untuk membolehkan subseksyen itu dipakai dengan hanya bergantung kepada anggapan pemilikan dan anggapan pengetahuan tentang sifat dadah berbahaya yang ditimbulkan di bawah s. 37(d). Dalam kes *Mohd Said b. Samad v. Pendakwa Raya* itu, Chong Siew Fai, Hakim Besar (Sabah & Sarawak) berkata (di ms 169):

> We do not propose to repeat what we had said on this point in *Muhammed b. Hassan, supra*, save that we rely on the reasons given therein and that in our opinion, even where a specified drug reaches the minimum quantity stated in s. 37(da) of the Act, the said subsection cannot be rendered applicable merely because the presumption of deemed possession and deemed knowledge of the nature of the drug under s. 37(d) had been properly invoked. On the wording "found in possession" in s. 37(da), it is our view that to validly invoke the presumption of trafficking under the said subsection, apart from meeting the required minimum quantity, there must be an affirmative finding of possession based on sufficient and admissible evidence.

Dalam kes di hadapan saya ini, saya tidak boleh mendapat bagaimana anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta itu boleh timbul terhadap tertuduh di penutup kes pihak pendakwaan memandangkan keterangan yang terdapat tidak mencukupi bagi saya membuat dapatan afirmatif yang tepat mengenai pemilikan. Oleh itu, di penutup kes pihak pendakwaan saya telah meminda pertuduhan terhadap tertuduh dari kesalahan pengedaran dadah berbahaya tersebut kepada kesalahan pemilikan dadah berbahaya itu di bawah s. 6 Akta itu yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama.

Pertuduhan seperti dipinda itu telah dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh dan ia telah mengaku salah. Ia telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa ia faham sifat dan akibat pengakuannya dan oleh itu ia telah didapati bersalah dan disabitkan. Dalam rayuannya terhadap hukuman, peguam tertuduh hujah pengakuan salah telah menjimatkan masa mahkamah. Ia juga menarik perhatian mahkamah bahawa tertuduh berumur 21 tahun pada tarikh kejadian dan ini merupakan kesalahan pertama. Setelah menimbang rayuannya dan desakan timbalan pendakwa raya, saya menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 12 tahun bermula dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan. Saya berpendapat hukuman pemenjaraan selama 12 tahun dan sepuluh sebatan yang saya jatuhkan ke atas tertuduh tidak berlawanan dengan mana-mana prinsip undang-undang mengenai hukuman. Sebelum menjatuhkan hukuman, saya telah memberi pertimbangan kepada beberapa faktor termasuk umur tertuduh, tempoh masa ia berada di dalam penahanan ketika menunggu perbicaraan dan fakta bahawa tertuduh telah mengaku salah. Saya berpendapat hukuman yang saya jatuhkan itu adalah tepat dan berpatutan. Seksyen 39A(2) Akta itu memperuntukkan bagi kesalahan ini seorang tertuduh yang didapati bersalah hendaklah diseksa dengan pemenjaraan seumur hidup atau bagi satu tempoh pemenjaraan yang mana hendaklah tidak kurang daripada lima tahun dan hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada sepuluh sebatan. Saya sedar kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh ini jatuh di bawah golongan kesalahan yang serius dan saya telah mengambil kira kepentingan awam. Dalam kes *Muhammed Hasan v. Pendakwa Raya, supra,* Mahkamah Persekutuan, dalam membenarkan rayuan terhadap sabitan atas kesalahan pengedaran dadah berbahaya dan menggantikannya dengan sabitan di bawah s. 6 Akta itu, menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 16 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan. Dadah berbahaya yang terlibat adalah 1,784.8 gram cannabis. Saya berpendapat hukuman pemenjaraan selama 12 tahun dan sebatan sebanyak sepuluh kali dalam kes ini adalah mencukupi bagi pemulihan tertuduh sebelum ia kembali kepada masyarakat.